

NO. SOALAN : 423

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN
MAIDIN
[SEPANG]**

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] meminta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan membuka semula fail siasatan ke atas kes pembunuhan Altantuya selepas Sirul dan Azilah dijatuhkan hukuman bunuh tanpa diketahui atas motif apa mereka membunuh dan atas arahan siapakah mereka bersedia membunuh Altantuya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk membuktikan kes bagi kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, motif bukan salah suatu elemen kesalahan. Dalam kes *Pendakwa Raya lawan Mokhtar Hashim (1983) CLJ Rep 101*, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa motif bukanlah elemen bagi membuktikan kesalahan membunuh dan mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan secara keseluruhan telah gagal untuk menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan.
2. Sehubungan dengan itu, undang-undang telah menetapkan bahawa motif bukanlah suatu elemen bagi kesalahan bunuh dan dalam kes Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar ini, Mahkamah Persekutuan berpendapat berdasarkan penilaian maksimum terhadap kesemua keterangan yang telah dikemukakan pihak pendakwaan, keterangan kes terhadap kedua-dua tertuduh adalah mencukupi untuk disabitkan atas kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.
3. Keterangan yang diperoleh hasil siasatan pihak polis tidak menunjukkan penglibatan orang lain selain Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar dalam kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu. Oleh yang demikian hanya sekiranya terdapat bukti yang baru sama ada daripada keterangan Koperal Sirul Azhar atau daripada mana-mana pihak, barulah fail kes siasatan pembunuhan

tersebut boleh dibuka semula. Jabatan Peguam Negara akan mengkaji semula keterangan baharu tersebut sebelum membuat keputusan untuk mendakwa mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.